

17 MAR 1999

Kafe-Pendaftaran

TIADA TAPISAN BAGI KAFE SIBER TETAPI TERTAKLUK ATURAN PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Kafe Siber kini bebas daripada sebarang sekatan dan penapisan berkuat kuasa serta merta tetapi masih tertakluk kepada peraturan biasa berkaitan pendaftaran perniagaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata kerajaan membincangkan mengenai pembatalan penapisan terhadap kafe siber pada mesyuarat jemaah menteri 10 Mac lepas dan bersetuju menarik balik sebarang bentuk sekatan dan peraturan yang dikenakan sebelum ini.

Beliau berkata pengusaha kafe siber walaupun tidak dikenakan peraturan tambahan, harus mengikuti peraturan biasa pendaftaran perniagaan seperti mereka yang mengusahakan restoran dan kedai makan.

Selain daripada lesen perniagaan, pengusaha kafe siber juga perlu mendapatkan lesen premis perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan, katanya pada persidangan berita di kementerian itu di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengarahkan kabinet supaya membatalkan sebarang usaha bagi membentuk penapisan Internet.

Dr Mahathir berkata amalan penapisan Internet harus segera dibatalkan sebagai mengesahkan peruntukan dalam Rang Undang-Undang Jaminan bahawa tiada sebarang penapisan bagi Internet.

Ting berkata pihak berkuasa tempatan akan dimaklumkan segera mengenai perkara itu manakala cadangan supaya pengguna mendaftar di kafe siber sebagai satu bentuk penapisan, kini dibatalkan serta merta.

Beliau berkata kafe siber bukan berbentuk hiburan tetapi adalah teknologi maklumat dan sehubungan itu sebarang percubaan untuk mengenakan sekatan perkembangan teknologi maklumat akan hanya menimbulkan reaksi negatif di kalangan bakal pelabur khususnya di Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kerajaan sedar teknologi maklumat dan penggunaan Internet walaupun berisiko tidak boleh dikawal sama sekali dan harus selaras dengan apa yang diamalkan di peringkat antarabangsa," katanya.

Menurut beliau kerajaan juga akan mengkaji mengenai operasi kafe siber dan jika perlu akan menyediakan garis panduan bagi pengendalian perniagaannya.

Ting bagaimanapun menegaskan bahawa di sebalik tiada penapisan, pengguna Internet hendaklah peka dalam menentukan bahan-bahan yang baik dan buruk.

-- BERNAMA  
ZAI AHH RON